



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jilid XVI/ (4)
9 Mac 1999

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/1999:
Pindaan Syarat Kelayakan Meminjam Buku Teks
Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan pindaan syarat kelayakan meminjam buku teks Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), berkuatkuasa mulai 1 Januari 1999. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1998 bertarikh 1 April 1998 adalah dibatalkan.

2. Dengan pindaan ini, syarat kelayakan meminjam buku teks SPBT di SK dan SMAR adalah seperti berikut:

Murid-murid di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Agama Rakyat yang ibu bapa atau penjaga inereka berpendapatan RM1,500.00 ke bawah adalah layak menerima pinjaman buku teks tanpa mengira bilangan anak atau tanggungan.

3. Syarat kelayakan meminjam buku teks SPBT di sekolah-sekolah lain adalah seperti berikut:

Murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional yang ibu bapa atau penjaga mereka berpendapatan seperti dalam jadual adalah layak menerima pinjaman buku teks.

**PENDAPATAN IBU BAPA ATAU
PENJAGA**

- (i) RM700.00 ke bawah
- (ii) RM701.00 hingga RM800.00
- (iii) RM801.00 hingga RM900.00

**KELAYAKAN MENDAPAT PINJAMAN BUKU
TEKS**

Semua anak yang bersekolah diberi pinjaman. Perbelanjaan membeli buku teks bagi seorang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman. Perbelanjaan membeli buku teks bagi dua orang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman.


- (iv) RM901.00 hingga RM1000.00 Perbelanjaan membeli buku teks bagi tiga orang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman.

NOTA Bagi (ii), (iii) dan (iv), Kementerian Pendidikan akan memberi pinjaman buku teks kepada anak-anak dalam darjah atau tingkatan yang lebih tinggi. Ibu bapa atau penjaga hendaklah menanggung perbelanjaan membeli buku teks bagi seorang atau dua orang atau tiga orang anak di darjah atau tingkatan yang terendah sekali.

4. Pemberian pinjaman buku teks SPBT adalah untuk warganegara Malaysia sahaja.
5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia

Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan

Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan

Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan

Ketua Nazir Sekolah

Pegawai Perhubungan Awam